

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah mengukuhkan kembali keyakinan rakyat khususnya para penyimpan bahawa Tabung Haji adalah diurus secara beramanah dan bertanggungjawab dan simpanan mereka selamat.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Sesungguhnya Lembaga Tabung Haji (**TH**) sentiasa diurus tadbir dengan baik dan berhemat. **TH** juga memberi jaminan kepada para pendepositnya bahawa simpanan mereka di **TH** adalah selamat seratus peratus. Para pendeposit tidak perlu risau kerana simpanan di **TH** dijamin oleh Kerajaan, sebagaimana

yang termaktub dalam Akta Tabung Haji. **TH** juga sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak tersasar daripada matlamat asal penubuhannya dalam membantu umat Islam di Malaysia menunaikan Rukun Islam ke-5.

Berikutan ekonomi dunia dan dalaman yang tidak menentu kebelakangan ini, **TH** juga terkesan daripadanya dan adalah tidak wajar untuk membuat penilaian keseluruhan dengan hanya melihat prestasi kewangan 2014 dan 2015 sahaja. Walau bagaimanapun, **TH** membuat persediaan yang rapi bagi mengharungi cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan agar **TH** lebih berdaya saing untuk menghadapi situasi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan **TH** adalah kukuh dan baik. Prestasi kewangan **TH** berada dalam keadaan baik disokong oleh aset-asetnya yang kukuh termasuk peratusan mudah tunai yang tinggi. Prestasi cemerlang **TH** serta pemberian subsidi haji dan bonus kepada pendeposit saban tahun membuktikan kedudukan kewangan **TH** adalah kukuh dan baik.

Sekian, terima kasih.